

HARI RAYA, HARI PERDAMAIAN

HARI YANG DITUNGGU-TUNGGU KEDATANGANNYA

Tuan Muhammad ‘Alī al-Ḥamīdī penulis rencana ini ialah seorang ahli agama Indonesia yang terkenal. Tujuan dan hakikat hari raya yang berbahagia telah dikupas dengan jelas dalam tulisannya yang berharga ini- P.Q.

(Oleh Muhammad ‘Alī al-Ḥamīdī)

Tidak ada hari yang sangat ditunggu kedatangannya lebih dari hari raya ‘ayduḥḥī, terutama di tanah air kita oleh seluruh kaum muslimin.

Malahan ada yang telah bersiap-siap beberapa bulan sebelumnya, buat menyambut kedatangannya. Semakin dekat waktunya nescaya semakin tampak kesibukan kaum muslimin bersedia dengan segala daya dan kesanggupan yang ada pada masing-masing.

Pakaian disediakan yang serba baharu atau sekurang-kurangnya yang terbaik. Makanan kuih-kuih tidak ketinggalan, bahkan rumah tangga dan halamannya turut pula dibersihkan sebersih-bersihnya. Kalau ada perbuat rumah tangga yang tak kenal air dan kebersihan, maka pada hari raya itu turut juga dibersihkannya.

Seakan usaha dalam sebelas bulan yang lampau itu dicurahkan sepenuhnya buat menyambut kedatangan hari raya. Begitulah kenyataan yang tampak kepada kita.

Dan tidak kurang-kurangnya, kerana ingin turut berhari raya, dan ingin menyambut kedatangannya dengan sangat mewah dan meriah, maka timbul selisih dan gaduh dalam rumah tangga.

Pada saat itu, orang tak kenal susah, tak menghiraukan beberapa tenaga dan wang telah dikeluarkannya. Tidak

dihitung-hitung lagi asal semua itu dapat digunakan buat menyambut kedatangan hari raya.

Hari raya Menjadi Rahmat

Bagi Segala Golongan

Jangan dikira orang-orang Islam yang berpuasa sahaja yang turut bergembira menyambut kedatangan hari raya itu, tetapi juga orang-orang Islam yang tidak berpuasa turut bergembira menyambutnya, Kadang-kadang puak yang kedua ini lebih mewah dan lebih sibuk dari puak yang pertama. Bahkan dilihat dari sudut perekonomian, orang-orang di luar Islam sebagai pedagang-pedagang asing, juga turut merasai keuntungan dari adanya hari raya itu, kadang-kadang mereka mendapat untung lebih banyak dari hari-hari lainnya.

Ini semua menjadi bukti, bahawa hari raya itu menjadi rahmat bagi semua golongan. Kaum buruhan, kaum taninya, kaum dagangnya, bahkan kaum fakir miskinnya juga turut merasai rahmat hari raya itu.

Demikianlah suatu hari raya yang diadakan oleh Islam melimpah rahmatnya kepada segala golongan. Islamnya dan bukan Islamnya. Sudah tentu pada pandangan Allah, ada perbezaannya golongan-golongan itu, kerana pada sisi Allah, yang diperhatikan,



Rombongan Amīr Fayṣal Perdana Menteri Saudi Arabiah kelihatan dalam perjalanan ke dewan kongres Asia-Afrika di Bandung yang telah bersidang pada bulan yang lalu.

ialah niat dan buktinya seseorang kepadanya. Bukan zahirnya yang tampak di mata umum, bukan kemewahannya dan bukan benda perhiasan yang menakjubkan hati dan pemandangan. Tetapi siapa yang lebih banyak buktinya kepada Allah, itulah dia yang paling mulia pada sisi Allah.

Hari Raya, Hari Bergembira

Pada saat datangnya hari raya itu, tampak sekali wajah berseri-seri dan bergembira. Di dunia kanak-kanak lebih tampak lagi terlihat kegembiraan itu, kerana masa kanak-kanak itu adalah masa yang tidak mengenal susah, tidak mengenal tanggungjawab, lebih-lebih lagi pada hari raya itu.

Orang-orang yang mampu, tentu sangat bergembira orang-orang yang hidup sederhana juga bergembira. Malahan orang-orang yang susah juga dapat turut bergembira, kerana golongan yang akhir ini sebelum hari raya itu, mendapat bahagian zakat harta dan zakat fitrah orang-orang yang mampu.

Bukankah Allah Subhānahu wa Ta‘ālā telah berfirman di dalam al-Quran:

khudh min amwālihim ṣadaqatan tuṭahhiruhum wa tuzakkīhim bihā
(al-Tawbah 103)

“Ambillah dari harta mereka sebagai sedekah, yang engkau bersihkan mereka dan sucikan mereka dengan itu”.

Pendeknya pada waktu hari raya itu, semua tingkatan manusia turut bergembira, merasai nikmat berhari raya.

Yang mapu, bergembira dapat mengeluarkan zakat harta dan zakat fitrahnya. Yang tidak mampu, bergembira menerimanya.

Hari Raya Hari Keampunan

Tak ada hari yang terbuka hati bagi meminta maaf dan memberi maaf lebih dari hari raya.

Pada hari raya itu, hati tiap-tiap orang Islam terbuka bagi meminta mengampun kepada saudaranya atas kesalahannya yang telah dilakukannya. Sebaliknya, hatinya pun terbuka pula untuk member mengampun atas kesalahan saudaranya kepadanya.

Seakan-akan hari raya itu hari pengampunan bagi semua. Suka memberi maaf dan suka meminta maaf.

Dengan tersiarnya hari keampunan itu, hilanglah rasa dendam dan benci sesamanya. Yang ini bersarang dalam hati tiap-tiap orang yang hidup. Maka pada hari raya itu dihabiskanlah semuanya dengan apakah dihapuskan semua denda khasumat itu? Hanyalah dengan *muṣāfahah*, yakni bersalam-salaman sesudah lepas sembahyang ‘aydulfiṭrī. Sabda Nabi (SAW):

Taṣāfahū yadhhaba al-ghuluw ‘an qulūbukum

(Rawahu Ibn ‘Adī)

“Berjabat tanganlah kamu nescaya hilang kedengkian dari hati kamu.”

Hari raya Hari Bersilaturrahim

Hanya pada hari raya itulah orang Islam menyediakan sepenuh waktunya bagi menghubungkan tali silaturrahim kepada sanak saudara dan kaum kerabat yang dekat dan yang jauh.

Kalau yang seorang berhalangan, maka yang tidak berhalangan saengahaja datang mengunjunginya. Tali silaturrahim yang selama setahun hampir putus telah disambung dan diperkuat lagi pada hari raya itu.

Umumnya yang muda umur dan ilmunya datang kepada yang tua, saengahaja datang bagi menghubungkan tali silaturrahim. Pada saat itulah tampak erat dan rapatnya perhubungan silat al-rahim.

Orang tak segan pergi ke tempat-tempat yang jauh, memakan ongkos yang tidak sedikit, hanya sekadar menghubungkan silat al-Rahim itu.

Sungguh suatu saat yang sangat terbuka bagi perseruan dan keluarga. Seakan-akan hari raya itu disatukanlah manusia dalam lingkungan keluarga dan familinya.

Anak datang mengunjungi orang tuanya. Kemanakan datang mengunjungi pamannya. Adik dayang mengunjungi kakaknya. Menantu datang mengunjungi mertuanya. Murid datang mengunjungi gurunya, dan demikianlah seterusnya, setiap orang merasa

hidup berkeluarga dan berfamili, walaupun pada saat-saat lain, pada hari-hari lain dan pada bulan-bulan lain mereka hidup seakan-akan bersendiri.

Maka pada hari raya itu melimpahlah kebaikan yang sangat besar dan pahala yang berlipat ganda bagi seluruh kaum muslimin yang menghubungkan tali silaturrahim itu, sebagaimana diterangkan oleh junjungan kita Nabi Muḥammad ṣallā Allāh ‘alaihi wa sallam:

Asra ‘ al-khayr thawābā al-bar wa ṣilat al-rahim

(Rawahu Ibn Mājāh)

“Kebaikan yang paling lekas mendapat pahala ialah kebajikan dan menghubungkan silaturrahim”.

Sesungguhnya hari yang sangat tepat dinamakan hari perdamaian, ialah hari raya.

Di sanalah tampak dengan nyata perdamaian hidup dalam rumahtangga, dalam hubungan kerabat dan family, dalam lingkungan desa dan kampung, dalam kota dan negeri.

Pada hari raya itu tampaklah wajah yang berseri-seri hati yang riang gembira, suasana yang rukun dan damai, hilang rusuh dan gaduh, lenyap kesusahan dan kesukaran, hapus selisih dan pertengkaran.

Dari satu hari raya yang berbahagia itu, terbukalah kiranya pintu damai bagi seluruh kaum muslimin, untuk saat-saat dan waktu-waktu yang lainnya. Dapat kiranya dijadikan ibarat dan pelajaran, bahawa tidak ada bahagian yang lebih besar, tidak ada keuntungan yang lebih utama daripada hidup damai sesamanya, terutama sesama seagama.

Bukankah hidup damai sesamanya itu lebih tinggi dari darjat puasa, sembahyang dan sedekah? Perhatikan sabda Nabi (SAW):

Alā akhbarakum bi afḍala min darajat al-ṣiyām wa al-ṣalāt wa al-ṣadaqah? Qālū balā, qāla: Iṣlāh dhāt al-bayn fainna fasād dhāt al-bayn hiya al-ḥālaqah.

(Rawahu Abu Dāwud wa al-Tirmidhī)



Rombongan Filipina di muktamar Bandung.

“Mahukah aku khabarkan kepada kamu perkara yang lebih utama dari puasa, sembahyang dan sedekah? Sahabat menjawab: Tentu mahu. Sabda Nabi (SAW): “iaitu demikianlah di antara kamu, kerana rosaknya perdamaian di antara kamu itu adalah menjadi pencukur, yakni perosak agama”.

Dan ketahuilah bahawa damai itu tidak akan sempurna kalau tidak disertakan dengan taat kepada Allah dan Rasul-Nya, sebagaimana yang diterangkan oleh firman-Nya ‘Azza wa jalla:

Wa aslahū dhāt baynakum wa ‘aḡī’ū Allāh wa rasūluhu in kuntum mu’minīn. (al-Anfāl 1).

“Dan perbaikilah keadaan di antara kamu, dan taatlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya. Jika kamu orang-orang yang beriman.”

Hari Raya Menanam Budi

Sesungguhnya hari raya itu adalah hari untuk menanam budi yang luhur, budi yang tinggi menurut pandangan

dan kesopnana.

Kerana pada hari raya itu dapat ditanam sifat-sifat utama mulis, yang tidak dapat dilaksanakan pada hari-hari yang lainnya.

Bukankah budi yang paling mulia dan tinggi pada sisi Allah itu terdiri dari tiga perkara? Sebagaimana diterangkan di dalam sabda Nabi (SAW):

Thalāthahu min makarim illa khalāq ‘indallāh: an ta’fū ‘amman zalamaka, wa ta’aḡī man ḥaramaka, wa taṣṣil min qat’ak

(Rawahu al-Khaḡīb)

“Tiga perkara terbilang daripada perangai yang mulia pada sisi Allah; engkau beri maaf orang yang telah menganiyai engkau; engkau memberikan pemberian kepada orang yang memutuskan pemberiannya kepada engkau; engkau hubungkan silaturrahim kepada orang yang telah memutuskannya”.

Itulah tiga perkara budi yang luhur, yang dapat kita tunaikan pada hari raya ‘ayduḡfiṡrī. Mudah mudahan budi yang luhur itu seterusnya dapat kita lakukan pada bulan-bulan dan waktu yang lainnya, sehingga kita kaum muslimin seluruhnya hidup damai dan berbudi luhur dan mulia.

Jaminkanlah wahai Iḡwān al-Muslimīn, raḡimakumullāh!

-HAMKA

Panduan Rasulullah

Aḡḡal al-‘amāl an tadkhulu ‘alā akhiyak al-mu’min sirūrā aw taqḡḡī ‘anh dīnā aw taḡ‘amah khubzā.

(R. al-Bayḡaḡī)

“Sebaik-baik amalan itu, ialah engkau masukkan kegirangan di hati saudaramu yang mukmin, atau engkau biarkan hutangnya, atau engkau beri dia makan roti.”